

NO. SOALAN: 70

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN V. SIVAKUMAR [BATU GAJAH]

TARIKH : 17 JUN 2014

SOALAN :

Tuan V. Sivakumar [BATU GAJAH] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah pelajar India yang mendapat tajaan JPA dan telah mendapat peluang bekerja sebagai pegawai Kerajaan dari tahun 2004 hingga 2013. Adakah Kerajaan mempunyai niat untuk meningkatkan tajaan JPA untuk pelajar-pelajar India untuk tahun 2014 dan 2015

JAWAPAN: YB DATO' SERI DR SHAHIDAN BIN KASSIM
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah pelajar India yang mendapat tajaan JPA dan telah mendapat peluang bekerja sebagai pegawai Kerajaan dari tahun 2004 hingga 2013 adalah seramai **1,059 orang**.

Agihan biasiswa mengikut kaum bagi tajaan ke luar negara mulai tahun 2009 adalah selaras dengan keputusan Jemaah Menteri pada 14 Januari 2009. Agihan biasiswa luar negara berdasarkan 4 kategori seperti berikut:

- a) Kategori 1 – berdasarkan *scholastic ability*;
- b) Kategori 2 – berdasarkan komposisi kaum;
- c) Kategori 3 – berdasarkan kaum Bumiputera Sabah dan Sarawak; dan
- d) Kategori 4 – berdasarkan golongan *socially disadvantaged*.

Penetapan kuota mengikut kaum adalah di bawah Kategori 2. Calon perlu memenuhi kriteria kelayakan yang ditetapkan di bawah kategori ini. Di samping itu, calon kaum India turut berpeluang untuk dipertimbangkan bagi biasiswa di bawah **Kategori 1** dan **4** jika memenuhi kriteria dan kelayakan di bawah kategori berkenaan.

Sekian. Terima kasih.